



Ketulan emas yang ditemui ketika aktiviti melombong yang dilakukan oleh penduduk di Kampung Sungai Mun, Mukim Kechau, Lipis, Pahang baru-baru ini.

Pahang lubuk emas

- Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN
- 26 Mac 2021, 10:00 am



ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN, WAKIL BIRO PAHANG

Emas merupakan antara sumber kekayaan yang menjadi perhatian di Pahang kerana ia menjana pendapatan lumayan.

Sumber kekayaan yang wujud di bumi Tok Gajah ini khususnya di Lipis dan Raub kini menjadi kegilaan penduduk tempatan dan orang luar untuk mendapatkan logam berharga itu.

Mana tidaknya, emas bernilai RM290 satu gram ketika ini boleh digali kawasan rumah.

Menurut faktor geografi, daerah Lipis, Raub dan Bentong sememangnya terletak dalam jajaran emas negara membuatkan daerah itu kaya dengan logam itu, menyaksikan perlombongan besar-besaran dilakukan termasuk di Penjom, Lipis.

Malah sejak beberapa tahun lalu penduduk kampung sekitar Lipis telah mula giat menggali tanah di kawasan rumah masing-masing yang turut mempunyai galian emas.

Felo Penyelidik Kanan, Pusat Kelestarian Ekosistem dan Sumber Alam (Pusat Alam) Universiti Malaysia Pahang, Prof. Madya Dr. Mohd. Fakhruzzazi Ishak berkata, tiga daerah itu adalah Jajaran yang sangat terkenal dengan emas.

“Ia telah dilombong pada zaman penjajah British lebih 100 tahun dahulu. Lombong terbesar Penjom Goldmine juga berada di situ.

“Di kawasan Raub serta Lipis didapati mempunyai banyak galian emas, manakala di Gua Musang walaupun ada ditemukan emas tetapi agak sedikit tetapi ada mineral lain,” katanya.

Kewujudan emas menyebabkan kawasan itu menjadi sasaran penjajah serta orang luar dan ia terbukti dengan penemuan sebuah kapal disaluti tembaga terdampar di tebing Sungai Lipis baru-baru ini yang dibina pada 1800 bagi mengangkut emas dari negara ini.

Ketua Kampung Dada Kering, Mat Isa Mat Lia, 65, berkata, kewujudan emas mendorong orang-orang luar datang ke daerah ini bagi menjarah logam berharga itu sejak dahulu lagi sehingga nama kampung itu juga diambil bersempena dengan perlombongan emas yang giat dilakukan di kawasan itu sejak lebih 100 tahun dahulu

Katanya, antara kawasan perlombongan yang terkenal adalah di kawasan pejabat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung yang telah pun ditambak.

“Dahulu di kampung ini pelombong Cina mencari emas dan lepas itu baru masuk orang Melayu termasuk datuk saya, masa itu emas sudah habis, hanya tinggal kawasan lapang menyebabkan orang kampung kata tinggal dada sahaja, emas dah kering, jadilah Kampung Dada Kering,” ujarnya.

Malah, kewujudan emas di situ sehingga kini menyebabkan banyak pihak luar datang seperti didedahkan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Wan Rosdy berkata, penemuan emas di beberapa kawasan di negeri ini menyebabkan ada pihak yang cuba mengambil kesempatan terhadap pemilik-pemilik tanah terlibat.

“Adalah dinasihatkan agar semua pemilik tanah tidak terpengaruh dengan janji-janji manis bulan dan bintang daripada pihak-pihak yang berkenaan yang akhirnya akan menyusahkan mereka.

“Elakkan kejadian yang sama berlaku sepertimana di Bukit Goh semasa aktiviti perlombongan bauksit dijalankan secara berleluasa di sana,” katanya.

Hakikatnya Pahang mempunyai sumber dan kekayaan yang banyak dan biarlah hasil negeri dinikmati penduduk dan negeri.

Dalam pada itu bagi mencari kaedah menang-menang dalam isu perlombongan emas, Wan Rosdy memberitahu, Pahang bertindak proaktif menjadi negeri terawal yang mewujudkan satu skim perlombongan emas kecil-kecilan.

Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri. Janganlah biarkan sejarah kembali berulang.-K! ONLINE